

SULIT

02/1

02/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Percubaan PMR

Ogos 2012

1 jam

Nama : .....

Tingkatan : .....



JABATAN PELAJARAN KELANTAN  
DENGAN KERJASAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN KELANTAN



---

PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
2012

---

**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 1**

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Berfikirlah dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang tidak dikehendaki itu sehingga bersih dan kemudian hitamkan pilihan anda yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

02/1 2012 MPPSM


[Lihat sebelah  
BM 3\_1 P\_PMR 2012

SULIT  
Soalan 1 – 7

02/1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Seekor angsa peliharaan Wak Sahak sedang \_\_\_\_\_ sayapnya di kawasan padang.  
A mengangin-anginkan  
B mengipas-ngipas  
C mengelus-ngelus  
D mengibas-ngibaskan
2. Cikgu Saiful akan memperdengarkan bunyi \_\_\_\_\_ burung puyuh kepada murid-muridnya di Makmal Sains Bestari.  
A dengus  
B dengut  
C dengung  
D dengkus
3. Chandran asyik melayari Internet, \_\_\_\_\_ abangnya Rajesh sibuk menelaah buku pelajaran di bilik bacaan.  
A justeru  
B sambil  
C manakala  
D oleh sebab

SULIT

02/1

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Penyerang pasukan Harimau Malaya, Mohd Safee Mohd Sali telah \_\_\_\_\_ sebagai Pemain Paling Berharga dalam kejohanan Piala Suzuki AFF 2010.
- A dinobatkan
  - B diberitahu
  - C diumumkan
  - D diangkat
5. Aaron Iskandar menjengukkan kepalanya apabila dia terdengar ranting \_\_\_\_\_ dipijak orang di belakang rumahnya.
- A berdetas
  - B berdetak
  - C berdetar
  - D berdetap
6. Beberapa orang peragawan yang \_\_\_\_\_ telah dipilih untuk memperagakan batik terbaharu 1Malaysia di hadapan tamu kehormat.
- A tampan
  - B kemas
  - C hebat
  - D sasa

SULIT

02/1

- 7 Isu tentang keracunan makanan masih menjadi\_\_\_\_\_ dalam kalangan ibu bapa yang amat menitikberatkan aspek kebersihan makanan.
- A kemurungan
  - B kerisauan
  - C ketakutan
  - D keraguan

**Soalan 8 – 14**

*Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.*

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

8. Amirul menyatakan bahawa dia tidak akan meminta apa daripada ibunya.

A B C

Tiada kesalahan.

D

9. Pekerja Syarikat Alam Bersih Berhad telah memulai tentang kerja-kerja

A

pembersihan longkang itu sejak jam 8.00 pagi tadi. Tiada kesalahan.

B C D

10. Beberapa orang pembesar istana dan rakyat jelata merafakkan sembah

A

menyambut keberangkatan tiba Sultan Muhammad V mencemar duli di

B C

Stadium Sultan Muhammad IV. Tiada kesalahan.

D

11. Sepanjang penglibatan beliau di dalam aktiviti sosial itu, pelbagai kejayaan

A B

telah diraih demi kepentingan remaja 1Malaysia. Tiada kesalahan.

C D

SULIT

02/1

12. Kebanyakan koleksi-koleksi lagu lama Allahyarham Sudirman Haji Arshad  
A  
sejak 1980-an masih disimpannya di dalam almari antiknya. Tiada kesalahan.  
B C D
13. Pengetua telah memaafkan beberapa orang murid sekolah dan mereka juga  
A  
diingatkan agar tidak sekali-kali melanggar peraturan sekolah.  
B C  
Tiada kesalahan.  
D
14. "Saya berasa gembira atas pemberian Baucar Buku 1Malaysia yang telah  
A  
kerajaan berikan sekali gus meringankan bebanan keluarga," kata Ismalisa,  
B C  
pelajarTingkatan Enam Cerdik. Tiada kesalahan.  
D

**Soalan 15 – 17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

15. I Majlis *merayakan* pembinaan jambatan baharu itu telah ditangguhkan pada tahun hadapan.  
II Rakyat 1Malaysia sentiasa bergembira untuk *merayakan* Hari Kemerdekaan negara yang tercinta.  
III Pak Jais dan Mak Jenab serta keluarga baru sahaja *merayakan* hari ulang tahun perkahwinan mereka berdua.  
IV Abang Azaman akan *merayakan* hari ulang tahun kelahirannya pada minggu hadapan di Hotel Seri Cenderawasih.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

SULIT

02/1

16. I Harjit Singh bercita-cita untuk menjadi *pakar* tanaman herba yang berjaya di Malaysia.
- II Encik Hamizul merupakan *pakar* runding yang berpengalaman luas dalam bidang hartanah.
- III Sebanyak 12 orang *pakar* ekonomi akan membentangkan kertas kerja masing-masing di persidangan itu.
- IV Yang mempunyai *pakar* sahaja dibenarkan untuk melaksanakan kajian itu dengan menggunakan dana yang disediakan.
- A I dan IV sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja
17. I Hakim itu menegaskan bahawa Encik Masdor telah *bebas* daripada pertuduhan pecah amanah.
- II “Setiap orang *bebas* untuk mengeluarkan pandangan masing-masing,” kata Encik Subramaniam.
- III Walaupun dikepung oleh anggota RELA, pemuda itu masih dapat *bebas* dirinya.
- IV Rakyat negara itu meneruskan perjuangan *bebas* wilayahnya yang diduduki musuh.
- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi **kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

18. Puan Roshayati menghidangi tamunya segelas air sirap bandung dengan dulang yang berlapikkan dengan kain putih.
- A dilapik kain putih
  - B dilapiki pada kain putih
  - C berlapikkan kain putih
  - D berlapikkan dengan kain putih
19. Muqri Hazim duduk antara Yuddin, Balqis dengan Hayani.
- A di antara Yuddin, Balqis dan Hayani
  - B di antara Yuddin, Balqis dengan Hayani
  - C antara Yuddin, Balqis dan Hayani
  - D antara Yuddin, Balqis dengan Hayani
20. Puan Lelayati membawakan ibunya semangkuk bubur ayam.
- A membawakan semangkuk ibunya bubur ayam
  - B membawakan semangkuk bubur ayam ibunya
  - C membawa ibunya semangkuk bubur ayam
  - D membawakan ibunya semangkuk bubur ayam
21. "Dua ekor lembu peliharaan Pak Malau yang sakit kelmarin, bagaimanakah keadaannya sekarang?" tanya Lebai Tahir.
- A keadaannya sekarang bagaimanakah
  - B keadaannya sekarang bagaimana
  - C bagaimana keadaannya sekarang
  - D bagaimanakah keadaannya sekarang

**Soalan 22 – 24**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

22. **Rakyat 1Malaysia saling bekerjasama antara satu sama lain untuk mengekalkan perpaduan kaum sejak kemerdekaan negara 55 tahun yang lalu .**
- A Rakyat 1Malaysia hidup bersatu padu untuk mengekalkan 55 tahun nilai kerjasama.
  - B Rakyat 1Malaysia bekerjasama 55 tahun untuk mengekalkan perpaduan kaum sejak kemerdekaan.
  - C Untuk mengekalkan perpaduan kaum sejak kemerdekaan negara 55 tahun yang lalu, rakyat 1Malaysia saling bekerjasama antara satu sama lain.
  - D Perpaduan kaum dikekalkan sejak 55 tahun yang lalu oleh rakyat 1Malaysia yang hidup saling bekerjasama selepas kemerdekaan negara.
23. **Murid-murid perlu mengamalkan makanan seimbang selain bersenam untuk mengekalkan kesihatan mereka setiap hari.**
- A Makanan seimbang yang dimakan setiap hari amat baik untuk kesihatan di samping bersenam.
  - B Setiap hari murid-murid perlu mengamalkan makanan seimbang selain bersenam untuk kekal sihat.
  - C Murid-murid yang mengamalkan makanan seimbang selain bersenam setiap hari dapat mengekalkan kesihatan mereka.
  - D Murid-murid yang bersenam dan makanan seimbang yang diamalkan setiap hari untuk mengekalkan kesihatan mereka.



24. Program guru penyayang dilancarkan bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim antara guru dengan murid.
- A Guru dan murid telah melancarkan program penyayang untuk mengakrabkan hubungan persaudaraan antara mereka.
  - B Guru-guru melancarkan program penyayang untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara guru bersama murid.
  - C Untuk merapatkan hubungan silaturahim antara guru dengan murid, program guru penyayang telah dilancarkan.
  - D Murid telah bersama guru melancarkan program guru penyayang untuk merapatkan hubungan dua hala.

**Soalan 25 – 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25
- I Minyak masak itu tidak dapat digunakan lagi kerana sudah berbau hamis.
  - II Para guru perempuan sedang sibuk menyediakan makanan untuk murid di bawah khemah di perkarangan asrama lelaki dan perempuan.
  - III Puan Siti Zulaikha Yusoff membelikan ibu mentuanya beberapa pekuk serondeng ikandan daging sebagai oleh-oleh dari negeri Kelantan.
  - IV Kanak-kanak itu begitu asyik menggaru-garukan kepalanya berkali-kali di tanggarumahnya.
- A III sahaja
  - B I dan II
  - C II dan IV
  - D I, III dan IV

26. I Cikgu Norizanita amat sayang akan kucing-kucing peliharaannya.  
II Perdana Menteri Malaysia yang keenam ialah Dato' Seri Mohd. Najib bin Abdul Razak.  
III "Sudah dua jam setengah saya menunggu Yuna dan Najwa Latif," kata Ana Raffali.  
IV Antara mata pelajaran yang digemari oleh Ain Syakirah termasuklah Bahasa Melayu dan Bahasa Arab.
- A I dan II  
B II dan III  
C I, II dan III  
D I, II, III dan IV
27. I Buku-buku dan majalah-majalah yang berserakan di atas meja itu telah disusun oleh Gan Hock Teng.  
II Keladi goreng yang dibeli Zara Aisyah sudah habis dimakan oleh Amir Asyraf.  
III "Perabot itu amat cantik sekali, ia diimport dari Jakarta," kata Ibu Rianti.  
IV Murid yang terpandai ialah Nadia Raihan.
- A I dan II  
B II dan IV  
C I, II, dan III  
D II, III, dan IV

**Soalan 28 – 30**


*Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.*

28. Encik Suresh dan isterinya menjaga anak mereka \_\_\_\_\_ kerana itulah satu-satunya anak yang dianugerahi Tuhan kepada mereka berdua.
- A bagai menatang minyak yang penuh  
B seperti cincin dengan permata  
C seperti langit dengan bumi  
D bagai pinang dibelah dua

SULIT

02/1

29. Segala pekerjaan yang dilakukan Setopa tidak berhasil lantaran sikapnya yang sungguh amat malas. Peribahasa yang berikut merujuk kepada sikap Setopa, **kecuali** \_\_\_\_\_
- A malas bergarit perut perit
  - B sambil menyelam minum air
  - C malas berdayung perahu hanyut
  - D adat periuk berkerak, adat lesung berdedak



Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

30. Maksud yang paling sesuai dengan peribahasa di atas ialah \_\_\_\_\_ .
- A sentiasa bekerjasama dengan masyarakat setempat
  - B patuh kepada arahan ketua pada setiap masa
  - C memelihara maruah diri di tempat orang
  - D mematuhi peraturan di tempat-tempat yang kita lawati

Baca cerpen di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada ambang kedewasaan ini, saya turun ke sungai waktu membasuh luka lama yang masih berdarah. Saya menyelam ke dasar. Mencari hari kelmarin yang tercicir, lalu mengutipnya sebagai pedoman berharga.

Wanita tabah ini pernah perit dimamah malang. Siapa sangka suami yang kuat beragama, tiba-tiba dituduh pengedar dadah? Siapa sangka, Lebai Sidi dikatakan musuh dalam selimut? Siapa sangka, ketika kandungan baru dua bulan, ayah bayi itu telah dipenjarakan?

“Ayah kamu telah dikhianati, nak. Dalam perjalanan ke pekan, ayah ditahan polis. Puas menggeledah, sebungkus dadah dijumpai di bawah kusyen kereta ayah. Ayah lantas digari. Ayah betul-betul tiada bukti untuk menyanggah tuduhan itu. Lagipun, kita mana ada duit nak upah peguam?” Bonda berjeda dalam getaran suara.

“Masa bonda mengandung tujuh bulan, ayah kamu meninggal dunia di penjara kerana sakit jantung. Sejak itu bonda asyik menangis dan menangis. Bonda amat buntu dan hampir gila jadinya. Malahan, bonda pernah cuba menggugurkan kandungan, tetapi dihalang oleh arwah datuk kamu. Agaknya...adik kamu jadi begitu kerana bonda tidak pernah tenteram masa mengandungkannya.” Begitulah suatu hari bonda *menghikayatkan riwayat hidupnya* kepada saya dan kakak kembar. Maklumlah, masa kejadian itu, masing-masing masih berhingus.

(Dipetik daripada cerpen *Mutiara Bonda*,  
antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31. Frasa *menghikayatkan riwayat hidupnya* dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_ .
- A menceritakan kisah hidupnya
  - B memberitahu kisah hidupnya
  - C bercerita tentang hikayat hidupnya
  - D berbincang tentang riwayat hidupnya

SULIT

02/1

32. Siapakah yang dikatakan musuh dalam selimut?  
A Lebai Sidi  
B adik  
C bonda  
D atuk
33. Yang berikut ialah perwatakan bonda, **kecuali** \_\_\_\_\_ .  
A sabar  
B ikhlas  
C tabah  
D lemah lembut
34. Latar tempat yang **tidak** terdapat dalam petikan cerpen ini ialah \_\_\_\_\_ .  
A pekan  
B sungai  
C penjara  
D di dalam kereta
35. Susun peristiwa cerpen Mutiara Bonda mengikut turutan.  
I Lebai Sidi telah dijatuhkan hukuman penjara atas tuduhan memiliki dadah.  
II Selepas kemalangan, Mohd Harraz insaf lalu menyambung pelajarannya.  
III Hasrat bonda untuk menjadikan Mohd Harraz sebagai ustaz telah terlaksana.  
IV Mohd Harraz ditimpa kemalangan di jalan raya ketika menunggang motosikal.  
A I, II, III, IV  
B II, IV, III, I  
C I, IV, II, III  
D III, II, I, IV

SULIT

02/1

**Soalan 36 hingga Soalan 40**

*Baca pantun di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Pantun Empat Kerat (Agama)**

Kemuning daunnya lampai,  
Tumbuh di pusaran paduka tuan;  
Di atas dunia kau tak sampai,  
Di dalam syurga bernantian.

Halia ini tanam-tanaman,  
Di barat saja akan tumbuhnya;  
Dunia ini pinjam-pinjaman,  
*Akhirat juga akan sungguhnya.*

Teritip di tepi kota,  
Mari dikayuh sampan pengail;  
Imam khatib lagikan berdosa,  
Bertambah pula kita yang jahil.

Asam kandis asam gelugur,  
Ketiga asam si riang-riang;  
Menangis mayat di pintu kubur,  
Teringat badan tidak sembahyang.

Buat serunai batang padi,  
Bunyi lagu seri pualam;  
Serban bukan semuanya haji,  
Haji terletak pada amalan.

Tidak boleh menetak jati,  
Papan di Jawa dibelah-belah;  
Tidak boleh kehendak hati,  
Kita di bawah perintah Allah.

**MOHD. YUSOF MD. NOR & ABD. RAHMAN KAEH (Penyelenggara)**

(Dipetik daripada antologi *Gema Sepi Gadis Genius*,  
Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 36 Frasa *akhirat juga akan sesungguhnya* bermaksud \_\_\_\_\_ .
- A manusia akan menuju ke akhirat
  - B akhirat itu tempat yang sebenarnya
  - C akhirat itu sesuatu yang dinanti
  - D akhiratlah tempat yang kekal buat selama-lamanya
- 37 Mengapakah penulis mengatakan bahawa dunia ini pinjam-pinjaman?
- A Hidup di dunia perlu meminjam.
  - B Hidup di dunia hanya sementara.
  - C Budaya meminjam perlu di dunia.
  - D Amalkan amalan saling meminjam.

38

Di atas dunia *kau tak* sampai

- Gaya bahasa bagi frasa berhuruf condong dalam baris pantun di atas ialah \_\_\_\_\_ .
- A personifikasi
  - B metafora
  - C inversi
  - D sinkope
39. Maksud rangkap kelima pantun ialah \_\_\_\_\_ .
- A setiap orang perlu beriman
  - B keimanan seseorang bergantung pada waktu luarannya
  - C keimanan seseorang akan menentukan watak luarannya
  - D amalan melambangkan keimanan dan bukannya perwatakan luaran

SULIT

02/1

40. Tema Pantun Empat Kerat (Agama) ialah \_\_\_\_\_ .
- A hidup di dunia amat perlu beribadat
  - B kepentingan beribadat kepada Tuhan
  - C panduan tentang amal ibadat kepada Tuhan
  - D keinsafan dan pentingnya beramal ibadat

KERTAS SOALAN TAMAT



SULIT  
02/02  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Percubaan PMR  
Ogos 2012  
2 jam

02/02

Nama : .....

Tingkatan : .....



JABATAN PELAJARAN KELANTAN  
DENGAN KERJASAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN KELANTAN



---

---

PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
2012

---

---

## BAHASA MELAYU KERTAS 2

Dua jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian.*
2. *Bahagian A terdiri daripada bahagian A (i) dan bahagian A (ii). Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut*
3. *Bahagian B mesti dijawab*
4. *Bahagian C mempunyai lima pilihan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja*
5. *Bahagian D mesti dijawab.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

02/02 2012 MPSM

[Lihat sebelah  
BM 3\_2 P\_PMR 2012

**Bahagian A(i)- Ringkasan**  
[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan berekreasi dalam kalangan remaja**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Kepentingan menjaga kesihatan ialah tanggungjawab yang tidak boleh dipandang mudah dan kita perlu melakukannya bagi memastikan kesihatan tubuh dan kecerdasan minda tidak terganggu. Berekreasi merupakan terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda. Persekitaran hari ini yang serba moden dan canggih memperlihatkan kepada kita kegiatan rekreasi bagi mengeluarkan peluh tidak lagi tertumpu di taman permainan, sebaliknya boleh dilakukan di pusat kesihatan yang menyediakan pelbagai peralatan senaman moden. Hampir di setiap kawasan perumahan ada disediakan taman untuk berekreasi.

Bagi golongan remaja, rekreasi yang dilakukan secara teratur, sama ada secara berseorangan ataupun berkumpulan, mampu mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Selain itu, berekreasi berfungsi untuk menyihatkan badan dan memberikan kesihatan yang baik. Di samping itu, berekreasi mampu mendidik remaja agar lebih terbuka dari segi minda. Kesempatan bertemu dengan rakan baharu juga dapat membantu membentuk sahsiah diri remaja yang baik.

Rekreasi yang dilakukan secara teratur mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan. Pergaulan yang sihat membolehkan remaja berkongsi pengalaman dan persediaan untuk menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Program rekreasi secara berkumpulan pula mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian. Secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi diri dan menilai serta menghargai usia remaja dengan sebaik-baiknya. Remaja yang suka berekreasi lebih terarah dalam soal kehidupan berbanding dengan mereka yang tidak melakukan aktiviti rekreasi.

Berekreasi membantu membentuk perkembangan psikologi remaja. Sebagai remaja yang menuju *alam kedewasaan* dan perlu membuat pilihan untuk menentukan masa hadapan, biasanya mereka telah ada arah tuju atau pilihan. Berekreasi memudahkan remaja mencari hala tuju dalam kehidupan mereka tanpa terpengaruh oleh persekitaran yang tidak sihat. Oleh itu, bagi menggalakkan remaja aktif berekreasi,

SULIT

02/02

kerajaan telah membina banyak pusat sukan tertutup bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat dan cerdas.

(Dipetik dan diubah suai daripada ' Ayuh Berekreasi', Dewan Siswa, Januari 2010)

**Bahagian A(ii) – Pemahaman**  
[10 markah]


Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *alam kedewasaan*. (2 markah)
2. Berdasarkan petikan, nyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk menggalakkan rakyat berekreasi?  
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menggalakkan para pelajar berekreasi?  
(4 markah)

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk menyemaikan sikap berbudi bahasa**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



**Bahagian C**  
( 40 markah )

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

1. Setiap pelajar diwajibkan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terdapat di sekolah.

Nyatakan pendapat anda tentang sebab-sebab perlunya undang-undang dan peraturan sekolah dipatuhi oleh pelajar.

2. Sahabat pena anda ingin mengetahui tentang sambutan perayaan salah satu kaum di Malaysia.

Tulis sepucuk surat kepada sahabat pena anda itu.

3. Sekolah anda telah mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan.

Ceritakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan tersebut.

4. Internet merupakan saluran ilmu pengetahuan kepada semua pengguna.


Huraikan kebaikan internet kepada pelajar.

5. Peribahasa *sebab nila setitik, rosak susu sebelanga* membawa maksud kerana yang sedikit, rosak yang banyak.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

**Bahagian D**  
( 10 markah )

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.



**Watak utama** dalam sesebuah novel digambarkan memiliki **sifat-sifat terpuji**.

Berdasarkan satu daripada novel di atas, huraikan **tiga contoh peristiwa** yang dapat menggambarkan sifat-sifat tersebut.